

'Trend pengundi bandar memang anti-establishment'

BUKANNYA

POLARISA

SI-DR.M

KUALA LUMPUR 14
15 JULI 1978
K Julai — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir telah menolak anggapan bahawa hasil pilihanraya lalu telah menunjukkan bertambah meluasnya polarisasi kaum di negara ini.

Katanya, dibandingkan dengan pilihanraya 1969, pilihanraya kali ini membuktikan bahawa polarisasi kaum telah berkurangan.

Katanya, kemenangan calon-calon DAP di kawasan bandar terutama di Wilayah Persekutuan adalah menunjukkan penerusan sikap pengundi bandar yang selalu memihak kepada pembangkang.

Di dalam satu pertemuan dengan Utusan Malaysia di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di Jalan Duta semalam Datuk Sri Dr. Mahathir menyebutkan perihal di dalam pilihanraya 1969, undi menentang kerajaan tidak hanya berlaku di kawasan bandar malah juga di kawasan luar bandar "tetapi hal ini tidak berlaku di dalam pilihanraya kali ini."

Beliau mengemukakan sebagai bukti tentang orang-orang Cina di Ipoh telah memberikan undi kepada calon-calon Parti Progresif Rakyat yang bukan dari orang Cina sendiri ketika PPR

OLEH ZAINUDDIN MAIDIN

menjadi pembangkang dahulu tetapi apabila PPR berada di dalam kerajaan, mereka tidak lagi menyokongnya.

"Ini adalah menunjukkan sentimen orang-orang bandar yang condong menentang establishment. Ini adalah perkara biasa yang berlaku di mana-mana juga negeri yang telah maju" katanya.

Beliau seterusnya menyebutkan tentang kekalahan calon-calon Barisan Nasional di Pulau Pinang di tangan DAP yang tidak didorongkan oleh sikap perkauman sebaliknya kekalahan itu adalah disebabkan oleh kerana adanya orang-orang MCA yang bertanding sebagai calon bebas," katanya.

Mesti sedar

Selain dari itu, kata beliau pengundian di Pulau Pinang menunjukkan aliran yang sofistikated. .

☛ "Pengundi-pengundi mahu Barisan Nasional kekal sebagai kerajaan negeri tetapi mereka mahukan pembangkang mewakili mereka di dalam Parlimen," katanya.

Di samping itu Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan orang-orang Melayu bahawa mereka mestilah menghadapi kenyataan dan mestilah sedar bahawa orang-orang Melayu sendiri tidak boleh mewakili mereka di semua kawasan.

"Tetapi bagaimanapun kita boleh menentukan supaya orang-orang yang bersimpati dengan dasar-dasar kerajaan mencapai kemenangan," katanya.

Tetapi, tambahnya lagi, "orang-orang Melayu yang tidak dapat memahami tujuan ini telah memberikan undi kepada PAS dan menye-